

Kerajaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan Sentiasa Memberikan Kemudahan² Mengenai Perkembangan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI.
— Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, dalam Majlis Peraduan Membacha Al-Qur'an, anjoran Pelajar² Kelas Dewasa Ugama Kampong Lorong Dalam Brunei — antara lain beliau berkata bahawa kalau

semua ra'ayat faham akan mulia-nya amalan² pada malam² bulan Ramadhan ini, sudah tentu mereka tidak akan melepaskan peluang ke-emasan ini.

Sa-terus-nya kata beliau, cahaya kilau²an terang berderang dari Kampong Lorong Dalam ini dapat di-kalahkan dengan cahaya perpaduan di-antara penduduk² kampong ini. Usaha menganjorkan peraduan Membacha Al-Qur'an

yang di-adakan ini juga adalah sa-bagai satu sokongan yang besar kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama.

"Tuan Haji Abu Bakar bin Awang Hashim, Ketua Kampong Lorong Dalam, bukan sahaja pandai "berkukok", tetapi juga pandai dan mempunyai semangat ka-arrah memperkembangkan Ugama Islam.

Saya sukachita memberikan jaminan bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan sentiasa memberikan segala kemudahan² mengenai

hal² perkembangan Ugama Islam," kata beliau.

Beliau juga menyatakan bahawa mengenai Pelajaran² Ugama di-Sekolah Menengah ada-lah memuaskan dan mengkagumkan kerana sa-ramai empat puluh orang murid, hanya empat orang sahaja yang tidak lulus dalam peperiksaan akhir tahun ini.

Akhir-nya, Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berseru kepada penduduk² Kampong Lorong Dalam khas-nya dan kepada seluruh ra'ayat Negeri Brunei am-na, supaya sentiasa

LIHAT MUKA 8



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemalud-

din (kanan) kelihatan dalam gambar ini sedang menyampaikan hadiah kepada Awang Haji Bakar bin Awang Ha-

shim yang telah berjaya menyangg gelaran Johan dalam Peraduan Membacha Al-Qur'an anjoran Pelajar²

Kelas Dewasa Ugama Kampong Lorong Dalam Brunei Bahagian "B" pada malam 22 Disember. — Gambar BPUI.

40 Orang Penuntut2 Maktab Anthony Abell Melawat Balai Polis Panaga dan M.R.U.

KUALA BELAIT. — Seramai 40 orang penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria telah melawat ka-Balai Polis Panaga dan M.R.U. pada awal bulan ini.

Pada masa lawatan ka-Balai Polis Panaga, penuntut2 itu di-beri cheramah oleh Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait, Superintendent Polis Awang E.M. Reynolds mengenai tanggung jawab Polis mengikut atoran Undang2 untok menjaga keselamatan orang ramai dan ketenteraman awam.

Cheramah2 telah juga diberikan oleh Inspektor Martin Bunga mengenai Chap2 Jari dan oleh Inspektor Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail mengenai "Speed traps" yang di-gunakan oleh Polis dalam bahagian lalu lintas.

Chara2 menjalankan tugas "Speed traps" itu telah juga di-beri kepada penuntut2 tersebut bagi membuat-nya di-jalan raya kawasan Panaga.

Sa-masa lawatan penuntut2 tersebut ka-M.R.U. pula, A.S.P. Awang B.M. Carvalho telah menerangkan berkenaan tugas2 pasokan-nya dalam bahagian menjaga ketenteraman awam.

PERTUNJOKAN

"KARATE"

Kemudian penuntut2 itu telah menyaksikan pertunjukan meronda dalam hutan, pertunjukan Jimnastik dan pertunjukan "Karate".

Pertunjukan tersebut telah di-saksikan oleh Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan lain2-nya.

CHATETAN:


Lawatan penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria ka-Balai Polis Panaga dan M.R.U. itu ia-lah sa-belum permulaan Bulan Puasa. Pada masa lawatan tersebut, pehak Polis telah memberikan jamuan ringan kepada mereka.



Sa-bilangan daripada penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria kelihatan dalam gambar ini sedang mendengar cheramah oleh Pegawai Pemerintah Polis Daerah Belait, Superintendent Awang E. M. Reynolds pada masa lawatan penuntut2 itu ka-Balai Polis Panaga



Gambar ini di-ambil pada masa lawatan penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria ka-Balai Polis Panaga.



Inspektor Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail kelihatan dalam gambar ini sedang memberi penerangan mengenai chara2 pehak Polis menjalankan "Speed traps" kepada penuntut2 Maktab Anthony Abell, Seria pada masa lawatan penuntut2 tersebut ka-Balai Polis Panaga.

Pengumuman Jabatan Elektrik

ORANG ramai ada-lah di-ma'lomkan bahawa dawai elektrik 66,000 volt yang di-pasang di-antara menara2 elektrik dari Bandar Brunei ka-Pekan Muara sudah pun di-lengkapkan dengan kuasa elektrik.

Oleh yang demikian, orang ramai ada-lah di-nasihatkan supaya bekerjasama untok menjauhi diri daripada menara2 elektrik itu atau pun bermain layang2 (kikek) berdekatan dengan menara2 elektrik itu.

Perlawanan Bola Keranjang Kejohanan Borneo

SARIKEI. — Menteri Kebajikan, Belia dan Sokan, Sarawak, Yang Berhormat Aw. Hipni bin Pengiran Annu telah merasmikan pembukaan Perlawanan Bola Keranjang Kejohanan Borneo di-Sarikei pada malam hari Sabtu 17 Disember, 1966.

Pasokan2 Bola Keranjang Bahagian2 Lelaki dan Wanita dari Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut dengan di-saksikan oleh beribu2 orang penonton.

Dalam perlawanan tersebut, Sarawak telah memenangi Perlawanan Bola Keranjang Bahagian Lelaki dan juga Bahagian Wanita.

Brunei telah memperolehi gelaran Naib Johan dalam Perlawanan Bahagian Lelaki dan gelaran ketiga dalam Bahagian Wanita.

Sabah pula telah mendapat gelaran Naib Johan dalam Bahagian Wanita dan menjadi Pemenang Ketiga dalam Bahagian Lelaki.

KEPUTUSAN

PERLAWANAN

Keputusan Perlawanan Bola Keranjang Kejohanan Borneo itu ada-lah saperti berikut:

BAHAGIAN LELAKI: Sarawak mengalahkan Brunei dengan 60 berbalas 49 mata. Brunei mengalahkan Sabah dengan 69 berbalas 43 mata. Sarawak mengalahkan Sabah dengan 51 berbalas 31 mata.

BAHAGIAN WANITA: Sarawak mengalahkan Brunei dengan 48 berbalas 22 mata. Sabah mengalahkan Brunei dengan 52 berbalas 12 mata. Sarawak mengalahkan Sabah dengan 27 berbalas 19 mata.

Pasokan Bola Keranjang Brunei Ka-Sarikei

BERAKAS. — Pasokan2 Bola Keranjang Negeri Brunei, Bahagian2 Lelaki dan Perempuan telah berangkat dengan kapal terbang ka-Sibu, Sarawak baru2 ini untok mengambil bahagian dalam Pertandingan Bola Ke-


ranjang Kejohanan Borneo.

Pasokan2 tersebut di-ke-tuai oleh Awangku Idriss bin Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed.

Pertandingan Bola Keranjang itu telah di-adakan di-

Sarikei mulai pada hari Sabtu 17 Disember, 1966.

Pasokan2 Bola Keranjang dari Negeri2 Brunei, Sarawak dan Sabah telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.



Pegawai2 Kadet Dari Brunei Tamat Berlatih Di-Victoria

MELBOURNE. — Seramai 72 orang Pegawai2 Kadet, di-antara-nya dari Brunei, yang berlatih di-Sekolah Pegawai2 Kadet, Portsea, Victoria telah menghadhiri satu Upacara Tamat Latihan mereka, pada 9 Disember, 1966.

Major General W.S. McKinnon, Ketua New Zealand General Staff telah memereksa Perbarisan Tamat Latihan Pegawai2 Kadet tersebut.

Beliau juga telah menyampaikan Ijazah2 dan hadiah2 kepada Pegawai2 Kadet tersebut.

Pegawai2 Kadet dari Brunei yang telah tamat berlatih di-Sekolah Pegawai2 Kadet tersebut ada-lah seperti berikut:

Pegawai Kadet Shari bin Ahmad, tempat tinggal-nya di-Kampung Rampayoh, Labi, Ulu Belait.

Pegawai Kadet B.M. Mohd. Ali, tempat tinggal-nya di-Kampung Sengkarai, Tutong.

Gambar ini di-ambil di-Upacara Tamat Latihan Pegawai2 Kadet dari beberapa buah negara, termasuk Brunei, yang telah tamat berlatih di-Sekolah Pegawai2 Kadet, Portsea, pada 9 Disember, 1966. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Kadet B. M. Mohd. Ali dari Brunei sedang berjabat tangan dengan Major General W. S. McKinnon Ketua New Zealand General Staff. sa-lepas beliau menerima Ijazah di-upachara tersebut.



Pegawai Kadet Shari bin Ahmad dari Brunei kelihatan berjabat tangan dengan Major General W. S. McKinnon, Ketua New Zealand General Staff sa-lepas beliau menerima Ijazah di-Upachara Tamat Latihan Pegawai2 Kadet yang berlatih di-Sekolah Pegawai2 Kadet, Portsea, Victoria pada 9 Disember, 1966.

KESAH2 MENGUMPOLKAN AYAT2 AL-QUR'AN

Hasil Susunan: Mohd. Ali B. Md. Yusof
Di-Keluarkan oleh: Badan Penerangan
Ugama Islam Brunei

PADA masa ini kita sedang berkechimpong di-bulan Ramadhan, bulan yang banyak mengandongi sejarah dan peristiwa yang meninggalkan kesan terutama kepada Umat Islam di-seluruh dunia. Bagi Brunei pula kita tidak lupa mengadakan sambutan2 untok memperingatinya. Di-antara peristiwa2 yang berlaku di-bulan Ramadhan ini; Pertama ia-lah mula turun-nya ayat2 suci Al-Qur'anul Karim kepada Nabi Muhammad s.a.w. Orang2 Islam mengenali-nya dengan nama "Malam Nuzul Al-Qur'an atau Malam Turun-nya Al-Qur'an."

Kedua pula ia-lah peristiwa2 berlaku-nya "Perang Badar" yang di-kenal dalam sejarah Islam dengan nama "Peperangan Badar Al-Kubra" yang berlaku di-dalam tahun kedua Hijrah bersamaan 624 Masehi. Dalam peperangan Badar ini Nabi Muhammad s.a.w., telah menchapai dan memperolehi kemenangan yang chemerlang.

Di-samping itu peristiwa2 bersejarah yang berlaku dalam bulan Ramadhan lagi ia-lah: Pembukaan Mekah yang di-kenal di-dalam sejarah Islam dengan "Fathu Mekah" yang berlaku pada tahun yang kelapan Hijrah bersamaan tahun Masehi 630. Peristiwa yang ka-empat pula ia-lah pembukaan sa-buah negeri Andalus pada bulan Ramadhan tahun 91 bersamaan tahun Masehi 710.

Ini-lah di-antara banyak peristiwa yang berlaku lagi di-bulan Ramadhan yang mulia ini, di-samping Allah s.w.t., memilih bulan Ramadhan yang mulia ini, untok mengerjakan ibadat puasa kepada kaum muslimin dan muslimat.

MENGENANG KEMBALI DETIK SEJARAH

Tidak berapa lama lagi kita akan bersua dan mengenang kembali salah satu detik sejarah yang gemilang di-bulan Ramadhan ini. Kenapa tidak di-bulan ini-lah mula turun-nya Al-Qur'an ia-itu sebagai pertunjuk kepada manusia alam sejagat ini? Ini dapat di-buktikan dengan firman Allah s.w.t., yang terkandung di-dalam Surah Al-Bakarah ayat 187 yang berbunyi: "Bulan Ramadhan yang di-turunkan di-dalam-nya Al-Qur'an untok menjadi pertunjuk kepada manusia."

Oleh yang demikian ada baik-nya kita sama2 mengetahu serba ringkas kesah2 bagaimana Al-Qur'an itu dikumpulkan hingga menjadi sa-buah kitab suci. Dengan jalan itu dapat-lah kita men-

vedarkan diri kita ka-arah keyakinan dan keperchayaan yang tidak berbelah bagi terhadap ajaran Allah s.w.t.

Ayat yang pertama yang di-turunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., pada 17 Ramadhan tahun yang ketiga belas bulan Hijrah Nabi bersamaan 6 Ogos, 610 tahun Masehi ia-lah ayat yang tersurat dalam Surah Al-'Alak ayat 1 hingga 5 yang berbunyi; "Bacha oleh Mu (Muhammad) dengan nama Tuhan-Mu yang menjadikan ('alam). Dia yang menjadikan manusia dari segumpal darah yang beku. Bachalah! Tuhan engkau sangat pemurah. Yang mengajarkan menulis dengan qalam. Dia mengajar manusia perkara2 yang tiada di-ketahui."

Ayat2 Al-Qur'an di-turunkan ada-lah mengikut hal keadaan atau satu2 peristiwa dan kejadian2 yang berseesuaian dengan keadaan di-masa itu. Dari itu ayat2 tersebut ada-lah wahyu dan pertunjuk kepada Nabi Muhammad s.a.w., sebagai asas untok penyebaran-nya menyampaikan perintah2 Allah kepada umat2 di-zaman-nya.

Justeru itu ayat2 yang terkandung di-dalam Al-Qur'an tidak-lah di-turunkan sekali gus (lengkap) sa-banyak 6,666 ayat atau 30 juju' itu tetapi di-turunkan sedikit demi sedikit, sa-ayat demi sa-ayat.

Sa-telah junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. menerima-nya melalui pertunjuk Malaikat Jibril a.s., atas perintah Allah s.w.t., maka lalu di-hafadzkan dan kemudian di-sampaikan kepada sahabat2nya serta juru2 tulis Baginda. Di-antara Juru2 tulis wahyu itu ia-lah Saiyidina Abu Bakar, Othman bin 'Affan, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Thabit, Ubai bin Ka'ab, Abdullah Al-Arkam dan lain2. Mereka ini menulis mengikut arahan2 dari Nabi Muhammad s.a.w.

Begitu-lah terus menerus di-lakukan oleh Nabi Muhammad s.a.w., sa-hingga memakan masa 22 tahun 2 bulan dan 22 hari. Jadi tidak-lah hairan jika semua sahabat2-nya itu dapat hafadz Al-Qur'an dan tidak ju-

ga menjadi hairan kenapa Al-Qur'an tetap kekal dan tidak hilang segala isi2 kandongannya walau pun sa-telah wafat-nya Nabi Muhammad s.a.w.

Sebab2 maka-nya Al-Quran di-turunkan sa-chara beransur2 ada-lah mengandongi hikmat2 dan sa-mata2 kerana memudahkannya pengikut2 dan umat2 Nabi Muhammad s.a.w., memahami serta menghafadz-nya. Pun di-samping itu juga agar manusia tidak akan lari daripada-nya (ajaran2-nya) kerana memandang terlampau banyak surohan2 dan tegahan2 yang di-sampaikan. Sa-terus-nya sebab wahyu itu di-turunkan mengikut hal keadaan di-masa itu ada-lah supaya lebeh meresap kedalam hati umat2 Nabi Muhammad s.a.w., sa-hingga dapat mempengaruhi dan meninggalkan kesan yang amat kuat ka-dalam jiwa dan nubari pengikut2-nya. Akan mudah-lah mereka mengikut dan menurut segala perintah atau larangan2 yang terkandung di-dalam wahyu itu, kerana segala itu datang-nya pada masa yang sesuai dan yang sangat2 di-hajati.

Sebagaimana yang di-ketahui bahawa wahyu2 yang di-chatatkan oleh Juru2 tulis Nabi Muhammad s.a.w., itu tidak-lah berbentok atau terkumpul rapi seperti yang ada sekarang ini, bahkan keadaan-nya ada-lah berselirak dan belum tersusun kerana sa-telah di-hafadzkan dan tersimpan di-dalam dada tiap2 sahabat2-nya, wahyu2 itu ada yang di-tulis di-atas kepingan2 tulang, pelapah korma, di-atas batu2 dan lain2 lagi.

Sa-telah wafat Nabi Muhammad s.a.w., ia-itu pada 13 Rabi'ul Awal Tahun 11 Hijrah bersamaan 8 Jun 632 Masehi maka usaha2 untok menggumpulkan segala ayat2 yang di-turunkan kepada Nabi Muhammad itu pun telah di-lakukan. Ketika itu ia-lah sa-masa pemerintahan Saiyidina Abu Bakar.

Usaha untok menyusun dan menggumpulkan ka-arah itu tidak-lah mudah kerana waktu amat mendukachitakan ia-lah banyak sahabat2 yang hafadzkan Al-Qur'an telah terkorban dalam peperangan sa-belum sempat Al-Qur'an itu di-susun.

Maka oleh Saiyidina Omar Al-Khattab r.a., sangat khuatir jika orang2 Islam akan kehilangan saksi bagi Al-Qur'an, lalu mena-sehatkan Saiyidina Abu Bakar supaya memerintahkan semua tulisan2 yang ada di-kumpulkan. Tugas ini telah di-serahkan kepada Zaid bin Thabit.

Sa-telah semua-nya terkumpul serta dengan panduan sahabat2 yang ada yang maseh hafadz maka di-salin-nya ka-dalam sa-buah Kitab dengan sempurna, tetapi walau bagaimana pun surah2-nya ketika itu belum-lah lagi terator, chuma ayat2-nya dapat di-susun dengan baik. Qur'an yang di-tuliskan di-sa-buah kitab itu pun di-simpan oleh Saiyidina Abu Bakar.

Sa-telah wafat Saiyidina Abu Bakar, maka Saiyidina Omar Al-Khattab pun dilantek menjadi Khalifah dan Kitab itu pun berpindah di-bawah jagaan-nya sa-hingga wafat-nya. Sa-telah beliau wafat maka naskah Al-Qur'an itu pun di-simpan pula oleh anak perempuan-nya Saidatina Hafsa binti Omar r.a. ia-itu bekas Isteri Nabi Muhammad s.a.w.

PENYEBARAN UGAMA ISLAM

Ketika pemerintahan Saiyidina Osman bin Affan r.a. di-mana Ugama Islam telah berkembang dan tersebar jauh ka-pelusok rantau dan negeri dan menyebabkan sahabat2 Nabi pun berselirak pula dengan tugas memperkembangkan Ugama Islam di-pelusok rantau dan negeri itu.

Masa berjalan terus. Sa-hari demi sa-hari hingga sa-terus-nya penyebaran Ugama Islam dengan Al-Qur'an-nya tetap mendapat tempat yang istimewa. Tetapi sayang-nya dalam ketika itu pertelingkahan telah terjadi mengenai bacaan, tilor dan gaya orang membacha-nya lagi pun surah2-nya belum terator. Tentang perkara ini telah di-sedari oleh sa-orang sahabat Nabi yang bernama Huzaifah Al-Yamani.

Oleh kerana di-khuatirkan dengan ada-nya pertelingkahan mengenai perkara itu menyebabkan pula pertelingkahan di-dalam Ugama Islam maka Huzaifah pun mengkhabarkan-nya kepada Khalifah Osman serta mengajorkan supaya menegahn-nya sa-belum terlambat.

Dengan tidak bertanggoh2 lagi Khalifah Osman pun memerintahkan agar mengambil kitab Qur'an yang di-simpan

LIHAT MUKA 5.



Sekolah Menengah Ugama (Arab) Hassanal Bolkiah Brunei telah mengadakan Majlis Perpisahan Akhir Persekolahan-nya di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada 10 Disember, 1966.
 Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada murid2 Sekolah Menengah Ugama (Arab) Hassanal Bolkiah, Brunei sa-masa mereka menghadhiri majlis tersebut. — Gambar BPUL.

Kunjongi-lah Beramai2 Ka-Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis memperingati turun-nya Kitab Suci Al-Qur'an (NUZUL AL-QUR'AN) akan diadakan di-Dewan Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Brunei pada hari Juma'at malam Sabtu 30 Disember, 1966 bersama'an dengan 17 Ramadhan, 1386, mulai jam 7.30 malam.

Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an itu akan di-adakan di-bawah anjoran Badan Pengerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Orang ramai ada-lah di-perilkan hadir beramai2 ka-majlis tersebut.

Y.A.M. Pengiran
Muda
Dato Paduka
Kemaluddin
Di-Lantek
Menjadi Ahli
Majlis
Mashuarat
Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin, telah melantek Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei sa-bagai sa-orang Ahli Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang di-lantek.

Yang Amat Mulia Pg. Muda Dato Paduka Kemaluddin telah mengangkat sumpah sa-bagai sa-orang Ahli Baru, Majlis Mashuarat Negeri Brunei dalam persidangan-nya pada 22 Disember, 1966 di-hadapan Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama Haji Ibrahim bin Mohamad Jahfar.

..... AYAT2 AL-QUR'AN

DARI MUKA 4.

oleh Saidatina Hafsa itu untuk di-salin dan di-susun semula surah2-nya dalam 5 naskah.

Naskah2 itu pun di-kiriskan untuk menjadi panduan kepada sahabat2 Nabi. Dengan jalan ini pertelingkahan2 telah dapat di-hindarkan.

Pada masa ini-lah Kitab Al-Qur'an itu di-salin dan di-kumpulkan buat kali yang kedua-nya. Maka tersusun dan teratur-lah sa-buah kitab suci Al-Qur'anul Karim saperti yang ada dewasa ini yang di-mulai dari Surah Al-Fatihah hingga di-akhiri dengan Surah Annas.

Dengan hal yang demikian sungguh tetap dan benar-lah firman Tuhan yang terkandung di-dalam Surah Al-Hajar ayat 9 yang berarti; "Sungguh-nya kami yang menurunkan Qur'an dan pasti kami memelihara-nya baik2."

Ya, memang bahawasanya Allah itu telah menurunkan Qur'an dan menjamin-nya daripada hilang, atau pun di-ubah dan di-pinda2.

**MEMANDU KERETA
DENGAN CHERMAT
BERMA'ANA
MENDAPAT SELAMAT**

Pendaftaran Lesen Kenderaan

BANDAR BRUNEI. — Pendaftaran lesen2 kenderaan jalan raya di-Negeri Brunei untuk tahun 1967 yang di-mulai samanjak awal bulan Disember ini akan berakhir pada hari Sabtu 31 Disember,

1966.

Pemandu2 yang belum lagi membaharui lesen2 kenderaan mereka ada-lah di-nasehatkan supaya membaharui lesen2 itu sa-belum menjelang tahun baru 1967.

Pembinaan Masjid Baru Kampong Sungai Liang

SATU MAJLIS Penyampaian wang sa-banyak empat ribu ringgit yang di-kurniakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sa-bagai bantuan untuk menyudahkan pembinaan Masjid Baru Sungai Liang di-Daerah Belait telah di-langsungkan baru2 ini di-Balai Raya Kampong Sungai Liang.

Kurniaan wang tersebut ada-lah dengan perantaraan Majlis Ugama Islam Negeri Brunei dan telah di-sampaikan oleh Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin selaku Wakil Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei yang juga menjadi Pengerusi Majlis Ugama Islam Negeri Brunei.

Menurut Kadhi Daerah Belait, Awang Ishak bin Adam, Masjid Baru Sungai Liang itu telah di-bangunkan dengan sa-chara bergotong royong oleh penduduk2 Mukim Sg. Liang pada permulaan Bulan Puasa tahun lalu dan pembinaan-nya itu telah terkandas di-sebabkan kehabisan wang yang di-dapati daripada derma orang ramai.

Mudah2an dengan ada-nya bantuan wang yang di-kurniakan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, maka dapat-lah di-laksanakan dengan sempurna pembinaan Masjid Baru Sungai Liang itu.



Jawatan Kosong: JURURAWAT PERCHUBAAN

Permonhanan2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan2 kosong sebagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

KELAYAKAN:

Pemohon2 mesti-lah meningkat umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengan-nya.

SUKATAN GAJI:

Dalam Perchubaaan D1-2 \$210 X 10 — 260/270 X 15 — 360. Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlateh D3 — \$380 X 20 — 480.

SHARAT2 LANTEKAN:

(a) Pemohon2 yang di-pilih akan menjalani lataan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazimnya lataan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperolehi Sijil Jururawat sebagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan, Brunei.

(b) Pakaian seragam adalah di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan. Jururawat Perchubaaan akan menerima Alaon Dhobi dan Alaon Makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1967.

Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awang Haji Md. Zain bin Haji Seruddin, selaku Wakil Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, telah menyampaikan wang kurniaan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sa-banyak \$4,000 sa-bagai bantuan untok menyudahkan p e m b e n a a n Masjid Baru Sungai Liang di-Daerah Belait.

Majlis Penyampaian kurniaan wang tersebut telah diadakan di-Balai Raya Kampung Sungai Liang pada 13 Disember, 1966.

Ini-lah satu pemandangan Masjid Baru Sungai Liang.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong Mulai hari Rabu 28 Disember 1966 hingga ka-hari Selasa 3 Januari, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Matahari					
Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
28 Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
29 Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
30 Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
31 Dis.	12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09 6.27
1 Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29
2 Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29
3 Jan.	12.30	3.50	6.27	7.40	4.57	5.12 6.29

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada puko! 12.45 tengah hari.

Jawatan Kosong:

PEMANDU TINGKAT DUA DI-PEJABAT PERUBATAN DAN KESEHATAN

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan2 Pemandu Tingkat II di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan. Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.

KELAYAKAN2:

- (a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen2 memandu.
- (b) Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 20 hingga 50 tahun.
- (c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu selama sekurang2-nya 5 tahun dan tidak pernah di-da'awa di-mahkamah kerana kechuaian memandu.

TUGAS:

- (a) Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas sa-

**BERDERMA-LAH
KAPADA
TABONG DERMA
ANAK2 YATIM
BANDUAN2 DAN
ORANG2 SAKIT**

ma ada di-waktu siang atau malam di-sebarang daerah di-negeri ini.

- (b) Boleh membaiki kerosakan yang kecil.

GAJI:

Dalam sukatan gaji F. 3

\$200 x 5—220.

Permohonan2 yang mesti di-penohi dari borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 4 Januari, 1967.



Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah merasmikan pembukaan Kursus Haji di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada 12 Disember, 1966

Gambar ini di-ambil di-majlis tersebut. Dalam gambar ini kelihatan di-antara bakal2 Haji yang hadir di-majlis itu. — Gambar BPUI.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Membantu Keluarga Iban Di-Ulu Temburong

JABATAN Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei telah memberi bantuan kepada seorang balu Iban Dayang Giam anak Tayai di-Kampung Lepong Baru, Ulu Temburong.

Bantuan itu ia-lah berupa wang sa-banyak \$600/- bagi membeli perkakas rumah untuk kediaman Dayang Giam dan keluarga-nya.

Dayang Giam pada masa ini telah mengidap penyakit lemah badan, dan mempunyai tanggungan dua orang anak yang berumur 9 tahun dan 6 tahun, emak dan nenek.

Pembinaan rumah Dayang Giam itu telah di-mulakan dengan sa-chara bergotong royong baru2 ini oleh orang2 kampung itu sendiri.

Rumah itu di-sambong dengan keluasan 18 kaki lebar dan 36 kaki panjang.

Pekerjaan bagi membina rumah itu telah di-usahakan oleh Pejabat Pegawai Daerah Temburong.

Pegawai2 dari Pejabat Daerah Temburong dan Pegawai2 dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negara, Brunei telah menyaksikan semasa pembinaan rumah itu.



Gambar ini di-ambil semasa di-adakan Kursus Haji untuk bakal2 Haji dari Negeri Brunei di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei. Dalam gambar ini kelihatan Awang Haji Md. Zain

bin Haji Ibrahim dan Dayang Hajjah Fatimah binte Othman sedang menunjukkan bagaimana chara mengerjakan salah satu daripada rukun2 Haji sa-chara praktikal. — Gambar BPUI.

Dato Doktor Franks Berchuti

BERAKAS. — Pegawai Perubatan Negara, Brunei, Dato Doktor P. I. Franks telah berlepas dengan kapal terbang ka-United Kingdom baru2 ini untuk berchuti.

Ramai Pegawai2 dan anggota2 dari Jabatan Peruba-

tan di-negeri ini dan lain2-nya telah mengucapkan "Selamat Berangkat ka-United Kingdom" kepada Dato Doktor Franks sa-belum beliau mengucapkan "Selamat Tinggal buat sementara" kepada mereka.

Ini-lah bekas rumah Dayang Giam anak Tayai di-Kampung Lepong Baru, Ulu Temburong. Oleh kerana keadaan rumah ini memba-

hayakan, maka dengan usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pejabat Daerah Temburong, sa-buah

Jawatan Kosong:

Juru Trengkas Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Juru Trengkas Melayu di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D. 3 EB 4 \$380 X 20 — 480/EB/500 X 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah boleh menulis trengkas selaju 80 perkataan dalam sa-minit dan boleh menaip se-kurang2-nya 40 perkataan sa-minit.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantarkan laporan sulit dan satu Chatetan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1967.

rumah yang lain telah dibina berdekatan dengan rumah ini untuk kediaman Dayang Giam dan keluarga-nya.



Gunakan-lah Bahasa Melayu

Pasokan Gurkha Rifles Baginda Queen Belayar Ka-Singapura

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dan anggota2 Pasokan 2/6 Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles telah belayar dari Perayeran Brunei ka-Singapura dengan kapal M.V. "Anshun" pada minggu lalu sa-lepas tamat perkhidmatan-nya di-negeri ini.

Kapal Anshun itu juga telah membawa Pegawai2 dan anggota2 Pasokan 1/2 King Edward VII Own Gurkha Rifles dari Hong Kong ka-Brunei untuk menggantikan Pasokan 2/6 Queen Elizabeth Own Gurkhs Rifles.

Pasokan Gurkha Rifles yang baru itu di-ketuai oleh Lieutenant Colonel E. D. Smith, telah berkhidmat di-Negeri Brunei mulai pada bulan Ogos tahun 1965 hingga ka-

bulan Januari tahun ini, dalam Pasokan 51 Gurkha Infantry Brigade yang pada masa itu di-kenali sa-bagai Central Brigade.

Sa-lepas meninggalkan Brunei, Pasokan 1/2 King Edward VII Own Gurkha Rifles itu telah di-tempatkan di-Hong Kong sa-hingga-lah masa pasokan itu di-tukarkan ka-Brunei.

Pegawai2 Imigresen Brunei Melawat Malaya

BANDAR BRUNEI. — Sa-rombongan lima orang Pegawai2 Imigresen dari Negeri Brunei akan berlepas dengan kapal terbang dari Brunei ka-Kuala Lumpur pada hari Ahad 1 Januari, 1967 untuk melawat sambil mempelajari hal ehwal yang bersangkutan

paut dengan Imigresen disana sa-lama dua minggu.

Pegawai2 Imigresen tersebut ia-lah: Awang Saidin bin Taram (Ketua Rombongan); Awang Abdul Latif bin Abdul Rahman; Awang Daud bin Taha; Awang Zainal bin Ampuan Yusof dan Awang Md. Ja'afar bin Abdul Latif.

PERADUAN BACHA'AN AL-QUR'AN

(DARI MUKA 1)

mengamalkan bacha'an2 Al-Qur'an sa-tiap hari.

Turut juga memberi ucapan dalam majlis itu ia-lah Ketua Kampong Lorong Dalam, Tuan Haji Bakar bin Awang Hashim.

Dalam ucapan-nya itu beliau mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh kepada Kerajaan Duli Yang Maha Mulia dan beliau meminta agar di-adakan pepereksaan tertentu kepada Kelas2 Dewasa Ulama supaya dapat

di-tentukan kelulusan2-nya. Beliau menyatakan sejak 2 bulan yang lalu Kelas Dewasa sa di-kampong — di-tubuhkan, nampak-nya banyak pelajaran yang dulu-nya tidak di-ketahui, telah dapat di-pelajari sedikit akan di-mustahak-nya akan di-Pelajaran2 Ujama dan Kelas Dewasa ini juga dapat memberikan per-tunjuk kepada kekesatan.

Hadiah2 telah di-sampaikan pada malam 22/12/66 jam 8.30 malam oleh Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato' Paduka Kemaluddin.

Pemenang2 dalam Peraduan tersebut ada-lah sa-perti berikut: Bahagian 'A', Johan — Dayang Siti Hawa binte Haji Bakar. Naib Johan — Awang Abdul Rahman bin Abdul Razak dan Ketiga ia-lah Haji Md. Yusof bin Abdul Rahim.

Bahagian 'B': Johan Ag. Hj. Bakar bin Awg. Hashim. Naib Johan Awang Metussin bin Abdul Rahim dan Ketiga ia-lah Awang Daud bin Kasim.



PENGAKAP2 BRUNEI BALEK DARI JAMBORI PENGAKAP DI-MALAYA

Rombongan Pengakap dari Negeri Brunei yang menghadhiri Jambori Pengakap Malaysia di-Pulau Pinang mulai pada 4 Disember, 1966 hingga 10 Disember, 1966 telah selamat balek ka-Negeri Brunei dengan kapal laut pada petang hari Selasa 20 Disember, 1966.

Pengakap2 tersebut telah

di-alu2kan sa-masa ketibaan mereka di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada petang hari tersebut oleh Pengerusi Majlis Mashuarat Pengakap Negeri Brunei, Awang Norman Bradbury; Pesuruhjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan; Pesuruhjaya Pengakap Daerah

Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh serta oleh Pegawai2 Pengakap dan ramai Pengakap2.

Awang Norman Bradbury juga telah mengalongkan Pengakap2 tersebut pada masa mereka tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei.

Dalam gambar ini kelihatan

sa-belas orang daripada dua belas orang anggota rombongan Pengakap Negeri Brunei yang menghadhiri Jambori Pengakap tersebut sa-masa ketibaan mereka di-Tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei. Berdiri di-tengah barisan hadapan ia-lah Penasehat rombongan itu, Awang Salleh bin Ibrahim.